

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap pematuhan rakyat Malaysia terhadap pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPB atau PKPP yang bermula pada 18 Mac 2020 dan juga SOP di bawahnya, serta sejauh manakah pelaksanaan ini dapat membendung penularan COVID-19 di negara kita.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Secara umum tahap pematuhan rakyat Malaysia terhadap *Standard Operation Procedure* (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) adalah baik. Walau bagaimanapun, Tim Pematuhan yang diketuai oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa melakukan pemantauan secara bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasa yang lain.
  
2. Statistik tangkapan dan kompaun bermula sejak PKP iaitu mulai tarikh 18 Mac 2020 sehingga 2 November 2020 adalah seperti berikut:
  - I. Jumlah Tangkapan = 29,784 orang
  - II. Jumlah Kompaun = 42,693 orang

Sekian, terima kasih.